

SEWAH HANTU
Hodgson's Hawk-cuckoo

FAMILI: Cuculidae
NAMA SAINTIFIK: *Hierococcyx fugax*

CIRI-CIRI

Individu dewasa jantan bagi spesies ini menyerupai spesies Sewah Tekukur Kecil, *H. Vagans*, tetapi bahagian ekor adalah lebih pendek dan berwarna kemerahan pada bahagian hujungnyanya. Bahagian kepala pula berwarna kelabu. Berbanding dengan spesies Sewah Tekukur Besar, *H. sparverioides*, spesies ini bersaiz kecil di mana terdapat jalur-jalur putih pada bahagian atas belakang tengkuk. Bahagian bawah badan pula berwarna krim keputihan dan terdapat jalur-jalur hitam pada bahagian bawah dan atas dada ke bahagian perut dan sayap. Individu juvenil pula mempunyai bahagian atas badan yang berwarna coklat gelap manakala bahagian bawah badan berjalur dan berbintik. Individu dewasa bagi spesies ini mempunyai saiz di antara 27 hingga 31 sm.

TABURAN

Spesies ini merupakan spesies tempatan di kawasan Greater Sundas. Semasa musim membiak, spesies ini boleh dijumpai di kawasan Bhutan, India, selatan dan timur China, tenggara Siberia, Ussuriland, Korea Utara dan Jepun. Semasa musim sejuk, spesies ini bergerak dari kawasan utara ke kawasan selatan seperti di Greater Sundas, Sulawesi dan selatan Moluccas. Di Asia Tenggara, spesies ini merupakan spesies tempatan yang jarang dijumpai seperti di kawasan selatan dan timur Myanmar, Tenasserim, Thailand, utara dan tengah Laos, barat Tonkin dan Cochinchina.

MAKANAN

Terdiri daripada serangga-serangga kecil, haiwan invertebra dan buah-buahan kecil seperti buah beri. Bagi spesies yang lebih besar, makanannya termasuklah haiwan vertebrata yang bersaiz kecil.

HABITAT

Spesies ini boleh dijumpai di kawasan hutan campuran dan kawasan hutan dipterokap iaitu pada ketinggian sehingga ke 250 m dari aras laut. Bagi sub-spesies *H.f.nisicolor*, spesies ini dijumpai di kawasan berketinggian 1,300 hingga 1,550 m dari aras laut. .

LOKASI DI MANA IA PERNAH DITEMUI

Di Semenanjung Malaysia, spesies ini boleh dijumpai di kawasan pinggir hutan-hutan simpan dan kawasan Taman Negara.

BUNYI

Burung ini mengeluarkan bunyi pekikan yang kuat dengan nota yang tinggi *pi-pwik* atau *pi-pwit*. Biasanya bunyi ini diikuti dengan siri bunyi *ti-tu-tu* yang laju dan diikuti dengan bunyi *tu-tu-tu-tu* yang perlahan. Bagi sub-spesies *H.f.nisicolor*, burung ini mengeluarkan bunyi *trrrr-tititititrrrrr* yang laju.

PEMBIAKAN

Spesies ini membiak dengan cara meletakkan telur di dalam sarang burung lain dan membiarkan telur tersebut dieram oleh pemilik sarang tersebut. Sebagai contoh, bagi sub-spesies *H.f.nisicolor*, burung ini akan bertelur di dalam sarang spesies Murai ataupun spesies Sambar. Telur yang dihasilkan bersaiz hampir sama dengan telur pemilik sarang yang berukuran kira-kira 23.8 X 15.8 mm secara purata.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara sepenuhnya.